

dōTERRA®



Hilangkan ketidakselesaan dengan

Deep Blue®



Deep Blue® Campuran Minyak Esensial Adiwira Ketenangan Anda

Tiada sesiapa yang ingin melalui sepanjang hari dalam keadaan yang tidak selesa. Ketidakelesaan ini boleh menghalang anda daripada memberikan prestasi yang terbaik, berada di sana untuk orang yang anda sayangi, serta mencapai matlamat anda. Biar pun begitu, anda berhak untuk berasa lega secara semula jadi. Deep Blue® ialah campuran minyak yang diperbuat daripada minyak esensial luar biasa, di mana anda boleh gunakan secara topikal untuk mendapatkan sokongan yang sejuk dan menenangkan. Nikmatilah hidup anda di mana sahaja anda berada, kerana Deep Blue® akan memberikan keselesaan yang anda perlukan.

Apakah kandungan Deep Blue®?

Campuran Deep Blue® yang mengandungi lapan jenis minyak-minyak esensial ini memberikan kebaikan-kebaikan unik yang menjadikan campuran minyak ini adiwira ketenangan kegemaran kita semua.

Sebagai permulaan, Wintergreen merupakan komponen utama dalam Deep Blue®. Konstituen kimia utama Wintergreen ialah monoterpen ester methyl salicylate yang sering digunakan dalam losyen untuk membantu melegakan otot dan sendi.

Helichrysum merupakan minyak esensial yang berharga dan kuat. Lebih daripada 600 spesies helichrysum wujud di seluruh dunia, hanya helichrysum italicum menjadi sumber kepada minyak esensial ini. Helichrysum memberikan kebaikan meremajakan kulit apabila digunakan secara topikal.

Blue Tansy digunakan dalam urutan untuk memberikan rasa sensasi tenang pada bahagian badan yang diingini. Aroma Ylang Ylang yang manis dan flora ini amat berharga di dalam industri minyak wangi. Penggunaan topikal minyak esensial topikal ini boleh menyuburkan kulit.

Bunga Osmanthus digunakan pada kulit yang merengsa. Haruman yang menyenangkan juga menjadikannya amat popular di dalam industri wangi, biarpun ia jarang dan amat mahal. Ia memerlukan kira-kira 200 paun untuk mengekstrak satu auns minyak.

Rasa sensasi sejuk yang kuat daripada Deep Blue® adalah disebabkan kepekatan mentol yang terkandung dalam Peppermint. Minyak esensial Peppermint disuling daripada bahagian atas tumbuhan pudina yang berbunga. Oleh disebabkan sifat Peppermint yang menyejukkan kulit, ia amat berguna dalam menenangkan perasaan yang tegang.

Kulit Kapur Barus disuling daripada pokok Cinnamomum camphora. Ia digunakan secara meluas dalam terapi urutan disebabkan kebolehannya untuk menenangkan bahagian yang diperlukan.

Akhir sekali, Blue Chamomile (atau German Chamomile) mempunyai aroma herba yang menenangkan hati.



Cara penggunaan Deep Blue®

Sama ada anda baru sahaja selesai bersenam atau melalui hari yang panjang, Deep Blue® dapat memberikan anda kelegaan apabila diperlukan. Berikut ialah beberapa cara anda boleh gunakan Deep Blue® sepanjang hari!

1



Sapukan pada otot-otot dan sendi-sendi sebelum melakukan aktiviti fizikal.

2



Sapukan satu hingga dua titis pada bahagian bawah belakang anda untuk merasa sensasi yang menenangkan sewaktu bekerja.

3



Jika anda menghabiskan masa yang panjang di depan komputer, urut Deep Blue® pada jari-jari, tangan dan siku jika anda berasa kaku.



Catatan: Cuci tangan anda dan jauhi daripada menyentuh bahagian-bahagian sensitif seperti mata dan hidung selepas aplikasi.

Deep Blue® Roll-on 10 mL

Ini merupakan satu botol roll-on 10 mL yang mudah diguna. Roll-on ini menjadikannya mudah untuk disapu dan mudah disimpan sama ada dalam poket atau beg untuk capaian pantas. Dengan botol roll-on Deep Blue, kesan yang melegakan dan diingini ini lebih mudah didapati di pejabat, kediaman atau gimnasium.

Cara penggunaan Deep Blue® Roll-on 10 mL

1



Sapu pada kaki dan lutut sebelum dan selepas bersenam.

2



Gosok Deep Blue® pada bawah belakang selepas mengangkat barang berat di pejabat atau semasa pindah.



Deep Blue® Rub

Losyen Menenangkan

dōTERRA® Deep Blue® Rub merupakan krim topikal yang kaya dimasukkan dengan Deep Blue® CPTG® untuk kelegaan berkesan dan semula jadi bagi sakit otot dan sendi. Dirumus dengan campuran proprietari pati tumbuhan semula jadi dan bahan hebat lain, Deep Blue® Rub memberikan rasa dingin dan suam yang melegakan pada kawasan bermasalah.

Cara Penggunaan Deep Blue® Rub

Untuk memanfaatkan Deep Blue® Rub dengan sepenuhnya, anda boleh menggunakannya dengan cara-cara berikut!



1



Sapu pada otot-otot dan sendi-sendi anda sebelum melakukan aktiviti fizikal.

2



Urut pada otot-otot yang letih untuk merasai sensasi yang sejuk dan hangat.

3



Digunakan dalam menikmati urutan yang mencergaskan badan.

4



Sapu pada otot-otot dan sendi-sendi yang sakit di penghujung hari yang panjang.

5



Bawa bersama anda ke mana sahaja anda pergi. Anda boleh mengisi semula menggunakan tiub dalam kit anda.

Deep Blue® Skin Care Stick + Copaiba

Menyejukkan dan Menenangkan

Deep Blue® dan Copaiba kini digabungkan menjadi produk aplikasi yang sempurna! Dengan penambahan beta-caryophyllene yang wujud dalam Copaiba, Deep Blue® Skin Care Stick menjadi produk sempurna dalam melegakan kesakitan semasa dalam perjalanan. Simpan produk ini dalam beg gim anda semasa melakukan senaman lasak atau letakkan pada meja anda untuk hari yang panjang di pejabat.



Cara Penggunaan

Deep Blue® Skin Care Stick + Copaiba

Sapu pada bahagian badan yang terlibat. Untuk rawatan yang lebih mendalam, sapu Deep Blue® pada kulit sebelum menyapu produk ini.

1



Memberikan kelegaan sementara untuk kesakitan ringan pada otot dan sendi yang dikaitkan dengan sakit belakang, artritis, terseliuh, regangan dan lebam.

2




Emolien pelembap yang menjadikan kulit lembut dan tidak berminyak.

3



Mewujudkan rasa sensasi sejuk dan tenang.





Kembalikan Irama Hidup Anda

Anda sudah tahu tentang potensi luar biasa produk-produk semula jadi yang terdapat di dalam Risalah Siri Produk Deep Blue® dōTERRA®. Apakah perasaan anda sekarang? Kami berharap anda berasa teruja dan berasa diperkasakan dengan produk-produk unggul ini.

Hidup anda tidak harus dipengaruhi ketidakselesaan badan. Alam semula jadi sudah lama menyediakan alat penyelesaian yang indah dan berkuasa untuk menyokong kehidupan kita. Ini masanya untuk anda menggunakan alat-alat ini untuk kebaikan diri sendiri. Masa anda harus dihabiskan pada pengalaman-pengalaman menarik, tempat untuk dikunjungi dan menemani orang-orang tersayang anda. Kembalikan irama hidup anda dengan mengurangkan ketidakselesaan badan dan menggandakan keseronokan hidup anda.

